



## **Makna penyertaan dalam program pembangunan komuniti: Satu tinjauan dari sudut pandangan dunia komuniti Bidayuh luar bandar**

N. Lyndon<sup>1</sup>, S. Selvadurai<sup>1</sup>, Er. A.C<sup>1</sup>, Zaimah R<sup>1</sup>, Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>, Sarmila M.S<sup>1</sup>, A. Habibah<sup>1</sup>, J. Hamzah<sup>1</sup>, A. Hasnah,<sup>1</sup> M. Richard<sup>1</sup>, Mohd Yusof Hussain<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Novel Lyndon (email: novel@ukm.my)

### **Abstrak**

Kajian ini adalah tentang perbezaan antara makna penyertaan yang dikonseptualisasikan oleh agen pentadbir (tahap makro) dengan persepsi penyertaan dan keperkasaan yang dikonstruksi berdasarkan pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri (tahap mikro). Jurang teoritikal adalah isu yang hendak diterokai dan dibincangkan dalam makalah ini. Bagi tujuan itu, kajian ini menggunakan pendekatan tafsiran logik abduktif berdasarkan ontologi idealis dan epistemologi konstruktivis. Kajian ini dijalankan di Daerah Serian, Sarawak. Menggunakan teknik persampelan bertujuan, sejumlah 50 orang informan telah ditemui bual secara mendalam diikuti dengan perbincangan kumpulan secara tak formal. Hasil kajian mendapat penyertaan yang difahami oleh komuniti Bidayuh tidak terhad di peringkat pelaksanaan sahaja tetapi turut melibatkan peringkat yang lain seperti perancangan, penilaian dan pemantauan. Selain itu, ia turut melibatkan kemampuan mereka dalam memahami, menginterpretasi masalah yang dihadapi dan kemudian mentakrifkan keperluan serta menterjemahkannya kepada proses tindakan melalui penyertaan dalam organisasi itu sendiri.

**Katakunci:** komuniti Bidayuh, pandangan dunia, pembuatan keputusan, penyertaan, perlaksanaan, program

## **The meaning of participation in community development programmes: A world-view survey of the rural Bidayuh community**

### **Abstract**

The present study is on the difference between the meaning of participation and empowerment conceptualised by the administrative agents (macro-level) with the perception of participation and empowerment constructed from the world-view of the Bidayuh community itself (micro-level). This theoretical gap is to be explored in this study. Accordingly, this study will use the interpretative approach using abductive logic based on idealist ontology and constructionist epistemology. This study was conducted in the Serian District, Sarawak. Using purposive sampling technique a total of 50 respondents were interviewed in-depth and informal group discussions were conducted. The findings show that participation as perceived by the Bidayuh community is not only limited to implementation levels, but also involves other levels such as planning, evaluation and monitoring. In addition, it also involves their capability in understanding, interpreting problems that are faced, and subsequently defining the needs as well as translating the meaning of these needs into the process of action through participation in the organisation itself.

**Keywords:** Bidayuh community, decision making, implementation, participation, programme, world-view

## Pengenalan

Sen (2002) melalui penyataan bahawa *each person is best placed to find out for herself what the best life for her is* dan konsep kualiti hidup masyarakat desa haruslah dikonstruk dengan cara memasuki dunia aktor sosial dan bukannya berlandaskan kepada pandangan dunia dan keperluan pihak metropolitan dan pembuat dasar atau pihak pelabur (Sen, 1993). Hal ini kerana pihak metropolitan, pembuat dasar, pentadbir, dan pihak pelabur hanyalah bertindak mengikut kepentingan dan minat beberapa kumpulan, organisasi, dan individu dalam masyarakat (Sen, 1999; Scanlon, 2006; Lavers, 2008). Oleh itu, untuk memahami dengan jelas realiti sosial sesebuah masyarakat, penyelidik atau pembuat dasar haruslah memasuki dunia masyarakat desa dan mempelajari kemahiran yang digunakan oleh masyarakat ini dalam membina dan mengkonstruk semula realiti sosial kehidupan mereka (Blaikie, 2000; Scanlon, 2006). Dengan berbuat demikian barulah pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan jitu tentang konsep dan realiti sosial kualiti kehidupan masyarakat luar bandar ini dapat diperoleh. Keadaan ini seterusnya akan membantu pihak pembuat dasar dan pentadbir rancangan bagi merencanakan satu rancangan pembangunan yang dapat memenuhi keperluan dan aspirasi pandangan dunia kumpulan sasaran terutamanya bagi merangka rancangan yang membabitkan etnik Bumiputera minoriti di Sarawak. Hal ini kerana berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIS) rata-rata etnik Bumiputera minoriti di Sarawak masih lagi mencatatkan tahap kemiskinan tegar tertinggi sebanyak 8.3 peratus. Majoriti mereka ini masih tinggal di kawasan luar bandar dan mengekalkan pertanian sara diri sebagai pekerjaan utama (Sarawak, 2008). Komuniti Bidayuh adalah salah satu daripada kumpulan etnik Bumiputera minoriti dan kira-kira 63.8 peratus isi rumah komuniti ini dianggarkan berada di bawah aras kemiskinan tegar yang dikira daripada pendapatan isi rumah kurang daripada RM480 di Sarawak (Sarawak, 2008).

Beberapa kajian lepas secara jelas menunjukkan perkaitan antara isu kemiskinan dalam kalangan komuniti Bidayuh ini dengan sikap serta tindak tanduk komuniti Bidayuh itu sendiri yang dianggap malas, tidak mahu berubah, sikap takut mencuba, kurang keyakinan diri dan sukar menerima perubahan (Grijpstra, 1971; King, 1990; Walker, 1998; Minos, 2000). Terdapat juga kajian lain yang menghubungkan isu ini dengan dasar rancangan pembangunan yang terlalu ke depan iaitu melangkaui pemikiran dan kehidupan komuniti Bidayuh itu sendiri (King, 1990; Songan, 1993,1994; Hew Sim, 2001). Sesetengah kajian turut mengaitkan masalah ini dengan kesan tindakan pengambilan tanah hak adat pribumi oleh kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan (Minos, 2000) dan kadar keciciran persekolahan yang tinggi (Madeline, 2004) serta polisi pembangunan DEB dan NDP (*New Development Policy*) yang berat sebelah antara etnik dan intra etnik, (iaitu antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera dan antara pelbagai suku keturunan Bumiputera sendiri) (Madeline, 2004). Walau apapun alasan yang diberikan, punca utama yang membawa kepada masalah ini perlu dikaji secara holistik dan menyeluruh agar ia dapat memberi ruang dan keadilan yang sempurna dan tidak prejudis kepada mana-mana pihak. Salah satu daripadanya ialah dengan melihat sama ada rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi yang bertanggungjawab seiring dengan keperluan dan aspirasi pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri.

## Objektif kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan satu asas penghuraian dan pemahaman yang jelas tentang makna penyertaan dan keperkasaan berdasarkan pandangan dunia komuniti Bidayuh sendiri. Bagi tujuan itu, penyelidikan perlu dilakukan dengan memasuki dan menyelami kehidupan dunia komuniti desa itu sendiri, iaitu sumber yang asal pandangan dunia komuniti Bidayuh di Malaysia. Fokus pemahaman kajian ini adalah makna penyertaan dan keperkasaan yang dikonstruk daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri bukan yang diungkap dari kaca mata orang luar. Pengertian yang yang jelas dan mendalam tentang keperluan dan kehendak komuniti ini dalam konteks kehidupan harian mereka adalah amat penting kepada usaha untuk merancang kemajuan masyarakat desa tersebut.


## Latar belakang kawasan kajian

Daerah Serian terletak di bawah pentadbiran Bahagian Samarahan dan ditadbir oleh seorang Residen selepas Samarahan secara rasminya dijadikan sebagai Bahagian pada 1 Januari 1987 (Sarawak, 2004). Setiap daerah ditadbir oleh Pegawai Daerah. Manakala, Daerah Kecil pula ditadbir oleh Pegawai Tadbir (Pejabat Residen Samarahan, 2009; Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri, 2010). Daerah Serian sebenarnya merupakan sebuah daripada empat daerah yang terdapat dalam Bahagian Samarahan, Sarawak (Unit Perancang Negeri Sarawak, 2007) (sila lihat Rajah 1). Dari segi sejarah awal penubuhannya, Daerah Serian ditubuhkan dalam tahun 1901 dan dikenali sebagai Daerah Sadong<sup>2</sup>. Pada bulan Februari tahun 1955, daerah itu dikenali sebagai Serian (*Upper Sadong*) setelah Simunjan (*Lower Sadong*) dipisahkan dan masing-masing dinaik taraf sebagai daerah penuh. Daerah Serian meliputi kawasan seluas kira-kira 2,106 kilometer persegi dan terletak kira-kira 64 kilometer ke selatan Bandaraya Kuching atau satu jam perjalanan dari Bandaraya Kuching dan mempunyai sebuah daerah kecil, iaitu Daerah Kecil Tebedu yang merupakan Pintu Masuk Utama (*International Border Crossing*) bagi Malaysia/Indonesia (di Sarawak) (Sarawak, 2004). Daerah Kecil Tebedu ini terletak 43 kilometer dari Bandar Serian. Daerah Serian secara amnya bersempadan dengan Bahagian Kuching di kawasan utara, Daerah Simunjan di kawasan timur dan Kalimantan Barat, Indonesia di kawasan selatan. Daerah Serian mempunyai sebuah bandar utama dan tujuh pekan kecil yang menjadi pusat urusniaga penduduk daerah ini (Sarawak, 2007). Bandar utama tersebut dikenali sebagai Bandar Serian dan merupakan antara salah satu daripada bandar di Sarawak yang dipilih dalam Program Bandar Sejahtera sejak tahun 2001. Penduduk setempat pula menamakan bandar ini sebagai bandar persinggahan (Sarawak, 2007). Ini adalah kerana kedudukannya yang berada di laluan perjalanan lebuh raya Pan Borneo dan Bandar Mutiara, Tebedu. Para pengguna di laluan berkenaan selalunya berhenti sama ada untuk berehat seketika, membeli barang kraftangan dan makanan atau mengalas perut sebagai bekalan untuk menempuh perjalanan seterusnya. Manakala, pekan kecil yang terdapat di Daerah Serian pula terdiri daripada pekan Baki Lama dan pekan Baki Baru, pekan Balai Ringin, pekan Tarat, pekan Tebakang, pekan Mongkos, pekan Tebedu lama dan Bandar Baru Mutiara. Hampir kebanyakannya pekan-pekan kecil ini mempunyai sekurang-kurangnya 20 buah rumah kedai. Bandar Baru Mutiara pula terletak tiga kilometer dari Kompleks Imigresen Tebedu. Bandar Baru Mutiara dibina pada tahun 1993 dan mempunyai 68 buah rumah kedai.

## Metodologi kajian

Pendekatan interpretif dan strategi penyelidikan abduktif telah dipilih untuk diadaptasikan dalam kajian ini. Hal ini kerana pendekatan interpretif dan strategi penyelidikan abduktif melihat realiti secara sosialnya dikonstruksikan oleh aktor sosial. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik perlu memahami atau menggenggam secara sosial dunia yang telah diinterpretasikan dalam usaha untuk memahami konsep penyertaan dan keperkasaan aktor sosial. Bertitik tolak dari situ, pengetahuan saintifik seharusnya ialah diperolehi daripada pengetahuan, pengalaman, interpretasi, tindakan dan reaksi aktor sosial dalam dunia aktor sosial itu sendiri dan bukan dari mana-mana pihak lain apatah lagi jika pengetahuan itu dipaksakan dari luar komuniti tersebut.

<sup>2</sup> Maklumat ini telah diperolehi oleh penyelidik daripada Majlis Daerah Serian pada Disember 2008 hasil daripada temu bual dan diskusi dengan ahli majlis tempatan berkenaan dengan sejarah bandar Serian.



Rajah 1. Lokasi Daerah Serian

Menurut strategi penyelidikan abduktif, apabila penyelidik memasuki dunia kehidupan aktor sosial untuk menggenggam pengetahuan aktor sosial, realiti sosial sesungguhnya telah dikonstruksikan secara bersama oleh penyelidik dan aktor sosial melalui satu siri dialog atau penceritaan (Blaikie, 2000). Justeru itu, dengan menggunakan metodologi ini, tema dan kategori penyertaan dan keperkasaan komuniti Bidayuh menurut pandangan dunia mereka sendiri telah diterokai dan difahami oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, penggunaan logik yang digunakan oleh penyelidik untuk mencipta atau mengkonstruksikan kategori kualiti hidup komuniti Bidayuh haruslah selari dengan logik yang telah digunakan oleh aktor sosial untuk mencipta tipifikasi dalam kehidupan harian mereka.


Dalam usaha untuk menjelaskan dengan lebih lanjut perkara ini, proses pembentukan konstruk aktor sosial dan pandangan dunia mereka tentang konsep penyertaan dan keperkasaan telah diperolehi hasil daripada ulasan terhadap prinsip dan teoritikal yang terkandung dalam tiga tradisi utama tentang pembentukan jenis ideal iaitu oleh Weber (1964) yang menyatakan bahawa jenis ideal adalah satu penciptaan saintis sosial. Tradisi yang kedua berdasarkan hujah dan idea teoritikal Schutz yang menyatakan bahawa jenis ideal merupakan gabungan antara konstruk saintifik dan konstruk aktor sosial. Seterusnya, tradisi yang ketiga berasaskan hujah dan pendapat yang diperolehi daripada Giddens (1976) yang berhujah bahawa saintis sosial perlu bermula dengan tipifikasi harian, tetapi boleh menggunakan konsep teknikal yang sudah sedia ada wujud untuk membantu mereka dalam mengkonstruksikan jenis ideal. Populasi kajian ini terdiri daripada dua kumpulan iaitu: i) peserta program SPKR di kawasan luar bandar; dan ii) bukan peserta program SPKR di kawasan pedalaman. Metod persampelan *non-probability* yang terdiri daripada persampelan bertujuan tetapi berquota, persampelan *snowball* dan persampelan teoritikal telah digunakan dalam kajian ini.

## **Hasil kajian dan perbincangan: Makna penyertaan mengikut pandangan dunia komuniti Bidayuh luar bandar**

Pandangan dunia responden dalam kajian ini tentang konsep penyertaan adalah merujuk kepada persoalan tentang sejauh mana mereka terlibat dalam proses membuat keputusan khususnya di peringkat perancangan dan pelaksanaan, kemudian bersama-sama terlibat dalam perbincangan atau mesyuarat, mempunyai ruang untuk menyampaikan pandangan atau idea dan pandangan atau idea yang disampaikan oleh mereka telah didengar dan dihayati sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Dalam masa yang sama, mereka juga turut mempunyai kawalan atau pengaruh terhadap keputusan yang telah diambil (sila lihat Rajah 2). Misalannya, salah seorang daripada responden tersebut iaitu R1, 31 dalam penyataannya mengatakan “penyertaan adalah proses di mana orang kampung seperti saya mempunyai peluang untuk turut serta dan menyampaikan pandangan atau idea dalam mana-mana proses membuat keputusan tanpa wujudnya sebarang sekatan atau timbulnya perasaan takut. Saya tidak mahu nama saya tiba-tiba disenaraikan sebagai penerima Skim Tanaman Getah, tetapi saya sendiri tidak begitu pasti adakah tanah yang ada pada saya sekarang ini sesuai atau tidak untuk tanaman tersebut. Biarlah program pembangunan yang hendak diberikan kepada kami selari dengan keperluan dan sumber yang ada pada kami”.

Nada yang sama juga turut disuarakan oleh R2, 29, R3, 31, R4, 45. Mereka dalam berpendapat bahawa bagi sesiapa yang ingin terlibat dalam program pembangunan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan, mereka mempunyai hak untuk terlibat sama dengan pihak kerajaan iaitu duduk satu meja dan duduk satu kerusi dalam proses membuat keputusan khususnya pada peringkat perancangan. Sementara itu, R5, 50 pula dalam penyataannya berpendapat bahawa “jangan menyerahkan bulat-bulat proses membuat keputusan kepada agensi kerajaan yang menganjurkan program pembangunan tersebut. Ini kerana tidak semua maklumat dan keperluan orang-orang kampung difahami atau disedari oleh mereka. Mereka hanya duduk di pejabat. Hanya pihak kami yang tahu tentang kekurangan dan kekuatan kami. Biarlah keputusan yang dibuat menguntungkan kedua-dua belah pihak”. Seterusnya, R6, 38 dalam kenyataannya pula menyatakan bahawa, “penyertaan kami dalam proses membuat keputusan adalah lebih

penting daripada bantuan nasihat dan teknikal yang disediakan oleh pihak penganjur atau perencana program. Ini kerana orang-orang kampung seperti saya tidak mendapat sebarang faedah atau manfaat sekiranya saya sendiri tidak terlibat dalam proses membuat keputusan. Cuba beritahu saya, bagaimanakah saya hendak tahu bahawa projek atau program pembangunan ini memberi manfaat kepada saya kalau saya tidak ikut serta? Orang-orang kampung sekarang bukan macam dulu yang amat mudah untuk ditipu, dipujuk dan dirayu. Kita ada pengetahuan sendiri dan kita tahu selok belok *pimaan binua*”(tanah kampung) seperti *damun* (tanah adat individu) di kampung ini yang bagus untuk aktiviti pertanian”. Pendapat yang sama juga turut dikongsi bersama oleh R7, 35. Beliau dalam penyataannya dipetik berkata “pihak penganjur program pembangunan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak, Pejabat Daerah dan Jabatan Kebajikan haruslah membincangkan terlebih dahulu program-program pembangunan yang ingin dijalankan dengan orang-orang kampung. Biarlah kita berkongsi pengetahuan kita secara bersama khususnya dalam aktiviti pertanian. Proses-proses perbincangan antara orang-orang kampung dan agensi-agensi kerajaan haruslah bersifat dua hala iaitu kedua-dua belah pihak mempunyai ruang untuk menyampaikan idea atau pandangan mereka sama ada dalam proses membuat keputusan ataupun dalam proses pelaksanaan program”.



Rajah 2. Kategori dan tema konsep penyertaan dan keperkasaan komuniti Bidayuh luar bandar

Rata-rata responden dalam kajian ini kemudianya telah meletakkan kedudukan penyertaan mereka dalam proses membuat keputusan sebagai proses yang paling tidak efektif. Ini adalah kerana hampir kesemua proses membuat keputusan yang merangkumi aspek perbincangan, sesi dialog dan mesyuarat seringkali dilakukan oleh pihak berkuasa tanpa pengetahuan dan kehadiran mereka. R8, 44, misalannya dalam penyataannya menyebutkan, “orang yang dijemput untuk menghadiri mesyuarat dan sesi dialog biasanya terdiri daripada sanak saudara dan sahabat handai serta orang yang dikenali oleh mereka sahaja. Orang-orang seperti kami tidak dijemput hadir”. R10, 37 dan R11, 41 pula berpendapat bahawa, “kebanyakan para pegawai kerajaan yang terlibat dalam proses membuat keputusan jarang mendengar pandangan atau komen daripada orang-orang yang menghadiri mesyuarat tersebut. Mereka tidak pernah memberi ruang yang sewajarnya untuk kami mencelah atau menyuarakan pendapat dan pandangan kami. Masa yang diperuntukkan untuk berdialog juga sangat terhad. Keadaan ini telah menyebabkan hampir kebanyakan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan pemahaman dan sudut pandangan para pegawai itu sendiri. Tambahan pula, keputusan yang dibuat oleh mereka lazimnya tidak boleh dipengaruhi oleh orang-orang kampung”.

Secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa penemuan kajian ini adalah konsisten dengan hasil kajian tempatan yang dijalankan oleh Abdul Rahman (2006) dan Ong (2007). Kedua pengkaji tersebut mengandaikan bahawa aspek penyertaan adalah kayu pengukur utama yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan dalam merangka perancangan baru yang komprehensif bagi mengatasi pelbagai isu dan

masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar dalam memenuhi keperluan kualiti kehidupan sosial mereka. Hal ini kerana aspek penyertaan merupakan proses yang meningkatkan keperluan individu, pembangunan personal, kesedaran kendiri dan sedikit sebanyak kepuasan diri (Richardson, 1983). Penemuan kajain ini juga selaras dengan penemuan Tanaka (2008:36) dalam kajian beliau tentang impak program *Southern Sustainable Agriculture and Education (Southern SARE)* dan hubungannya dengan kualiti hidup. Beliau mencadangkan agar aspek penyertaan perlu diberi perhatian dalam memahami kualiti hidup komuniti luar bandar berbanding dengan penekanan terhadap petunjuk utiliti seperti pendapatan, aset atau harta benda dan situasi kewangan. Ini bagi memastikan agar konsep kualiti hidup yang dijana daripada sesebuah komuniti tersebut lebih menyeluruh dan benar-benar melambangkan kehidupan serta dapat mewakili diri komuniti itu sendiri.

## Kesimpulan

Makalah ini telah meneroka pandangan dunia komuniti Bidayuh di Daerah Serian, Sarawak. Secara umumnya kajian ini mendapat bahawa konsep penyertaan yang difahami oleh komuniti Bidayuh tidak hanya terbatas di tahap pelaksanaan sahaja tetapi sepatutnya turut melibatkan peringkat yang lain seperti perancangan, penilaian dan pemantauan. Pemakaian fahaman agen pemerintah, atau pelaksanaan keputusan dari atas ke bawah tidak lagi sesuai dengan keadaan masyarakat Bidayuh hari ini. Pandangan mereka perlu diambil kira sebelum keputusan tentang pembangunan di kawasan mereka dilaksanakan. Program dan projek pembangunan yang dipaksakan ke atas mereka tidak akan berkesan atau berjaya malah tidak ada apa-apa makna kerana seringkali kurang relevan dengan keperluan mereka. Selain itu, kemampuan mereka juga sepatutnya perlu difahami. Ini kerana hanya mereka yang lebih faham masalah yang mereka hadapi dan mampu menterjemahkan masalah itu kepada keperluan pembangunan dan seterusnya tindakan serta program dan projek juga penyertaan dalam organisasi itu sendiri.

## Penghargaan

Penghargaan ditujukan khas kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas pembiayaan penyelidikan di bawah Geran Galakan Penyelidik Muda UKM-GGPM-PLW-018-2011.

## Rujukan

- Abdul Rahman E (2006) Rethinking development and development studies. *Akademika Journal* 68, 1-4.  
Blaikie NWH (2000) *Designing social research*. Polity Press, Cambridge.  
Grijpstra BG (1971) Cooperation and development among the Bidayuh. *Borneo Research Bulletin* 3 (2), 67-68.  
Hew Sim C (2001) Of marriage, money and men: Bidayuh working mothers and their households in Kuching. *Southeast Asian Journal of Social Science* 29 (2), 285-304.  
King VT (1990) Land settlement programmes in Sarawak: A mistaken strategy. In: King VT, Parnwell JG (eds) *Margins and minorities: The peripheral areas and peoples of Malaysia*. Hull University Press.  
Lavers T (2008) Reconciling the needs and wants of respondents in two rural Ethiopian communities. *Social Indicator Research* 86, 129-147.  
Madeline B (2004) Towards the National Vision Policy: Review of the Economic Policy and New Development Policy among the Bumiputera Communities in Sarawak. *Journal of Malaysian Studies* xxi (1&2), 211-256.

- Minos P (2000) *The future of the Dayak Bidayuhs in Malaysia*. Lynch Media and Services, Kuching, Sarawak.
- Ong P L (2007) Pedagogi pembangunan ke arah dialog bermakna antara penggubal dasar dan sasaran pembangunan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Kedua (ICOSH 07), anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM Bangi. 13-15 Mac.
- Pejabat Residen Samarahan (2009) *Info daerah dan carta organisasi pejabat Residen Samarahan*. Available from: [http://www.samarahanro.sarawak.gov.my/daerah\\_Samarahan\\_mei2009](http://www.samarahanro.sarawak.gov.my/daerah_Samarahan_mei2009).
- Richardson A (1983) *Participation*. Routledge & Kegan Paul, London.
- Sarawak (2008) *Population and housing census of Malaysia*. Department of Statistics. Gov't Printing Office, Kuala Lumpur.
- Sarawak (2007) *Rangkaian Khidmat Awam Negeri Sarawak, Januari-Disember, 2007*. A monthly Publication of the Sarawak State Secretary's Office.
- Sarawak (2004) *Rangkaian Khidmat Awam Negeri Sarawak, September-November 2004*. A monthly Publication of the Sarawak State Secretary's Office.
- Scanlon TM (2006) Reasons and decisions. *Philosophy and Phenomenological Research* 72 (3) (May), 3–729.
- Sen A (2002) *Rationality and freedom*. The Belknap Press of Harvard University Press, Cambridge, MA.
- Sen A (1999) *Development as freedom*. Oxford University Press, Oxford, UK.
- Sen A (1993) Capability and well-Being. In: Nussbaum M, Sen A (eds) *The quality of life*, pp.30-53. Clarendon Press, Oxford.
- Songan P (1993) Obstacles to participation in rural development: A case study of a land development project in Sarawak, Malaysia. *Adult Education and Development Journal* 41, 163-181. Institute for International Cooperation of the German Adult Education Association, Bonn, Federal Republic of Germany.
- Tanaka K, Bhavsar VM (2008) The role of Southhern sare projects in enhancing the quality of life in rural communities in the South. *Southern Rural Sociology* 23 (10), 23-46.
- Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri, 2010. *Perkhidmatan Negeri Sarawak*. Available from: <http://www.pentadbiran.sarawak.gov.my>.
- Unit Perancang Negeri Sarawak (2007) *Sarawak facts and figures*. Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Menteri, Wisma Bapa Malaysia. Kuching: Gov't Printing Office, Sarawak.
- Walker JH (1998) James Brooke and the Bidayuh: Some ritual; dimensions of dependency and the resistance in the nineteen-century Sarawak. *Modern Asian Studies* 32 (1), 91-115.
- Wandersman A (1981) A framework of participation in community organization. *Journal of Applied Behavioural Science* 17 (1), 27-58.